

MPC.100-14/1/46

10 Februari 2025

Nashkawi Security Services Sdn. Bhd.
Suite 90A, Tingkat 1
Diamond Square Jalan 1/14
Jalan Othman
46000 Petaling Jaya
(U.P: Kapten (B) Jafri bin Lasim)

Tuan,

TUNTUTAN GANTI RUGI KES KECURIAN DAN KEHILANGAN KABEL TEMBAGA DI MPC IBU PEJABAT

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas yang disedari kejadiannya pada 3hb Februari 2025 serta telah dibuat Laporan Polis pada tarikh yang sama.

2. Berkaitan dengan kejadian di atas, dimaklumkan bahawa pihak kami dengan ini menuntut pampasan ganti rugi berjumlah **RM15,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Sahaja)** bagi tujuan penggantian semula item tersebut termasuk caj pemasangan. Untuk makluman, item tersebut merupakan item perlindungan keselamatan bangunan dari kerosakan akibat sambaran petir dan perlu diganti dengan kadar segera bagi memastikan keselamatan bangunan serta Warga di dalamnya.

3. Tuntutan ini juga dibuat berdasarkan klausa (Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) - No Kontrak K35/2024 antara Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Nashkawi Security Services. Merujuk Jadual 3 – (Berkenaan Tolakan) bil. 4 menyatakan: Berlakunya kehilangan atau kerosakan harta MPC di premis yang disebabkan kecuaian, kelalaian atau salah laku syarikat atau pengawal keselamatan atau mana-mana pekerja syarikat sejumlah penalti yang akan ditentukan oleh MPC kemudian).

4. Mohon pihak tuan memberikan maklum balas sebelum atau pada 12hb Februari 2025 dengan membalas kepada surat ini. Kegagalan pihak Tuan akan memungkinkan pemotongan bayaran perkhidmatan pihak tuan bagi bulan Januari dan Februari.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Siti Zurianah Othman)

Pengurus Kanan

Unit Pentadbiran (ADM)

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)